

# Pelajar FKAL bantu guru tingkatkan kualiti pendidikan murid

UB 20.07.2024 P.06

**LABUAN:** Satu majlis penutupan untuk meraikan kejayaan kempen bagi subjek Kewangan Korporat Antarabangsa diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Satu, Wilayah Persekutuan Labuan, baru-baru ini.

Kempen itu dijayakan lima pelajar Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Mereka terdiri daripada Christie Allyssa, Auedry Clayresa, Ivy Cassandra, Nur Aqidah dan Manishasharmini.

Majlis penutupan projek SULAM itu turut dihadiri Guru Besar SK Pekan 1, Anita Shyamini A/P S.Azman, Timbalan Pengurus Labuan Unity Imelda Atiqah Untol dan Penyelaras Projek SULAM bagi Kewangan Korporat Antarabangsa, Dr. Suzillah Sidek.

Suzillah berkata kejayaan kempen pengumpulan dana awam sebanyak RM2,048 bertujuan menghasilkan lukisan mural lantai interaktif dan menyediakan permainan sensori kepada murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di SK Pekan 1, Labuan.

Katanya, dalam proses melukis mural lantai interaktif



**HASIL:** Anita Shyamini (lima kiri), Suzillah (empat kiri) dan Imelda Atiqah (tiga kiri) bersama pelajar FKAL dan guru-guru PPKI SK Pekan Satu di hadapan Lukisan Mural Lantai Interaktif.

itu, pelajar UMSKAL turut dibantu ahli-ahli Labuan Unity dan guru di SK Pekan Satu.

“Peka terhadap kualiti pendidikan, lukisan mural lantai interaktif dan permainan sensori yang disediakan juga membantu merangsang lima deria utama murid, iaitu deria sentuhan, rasa, bau, penglihatan dan pendengaran.

“Diharapkan dengan adanya projek seperti ini, usahasama dalam kalangan mahasiswa, guru dan komuniti dapat membantu meningkatkan kualiti pendidikan di Labuan,” katanya.

Suzillah berharap perkongsian pengalaman dan ilmu



**BERBAGAI:** Suzillah (kanan) menerima hasil lukisan murid PPKI daripada Anita Shyamini sebagai tanda angatan sambutan saksikan Normah (kiri) dan Imelda Atiqah (dua kiri).

daripada guru-guru PPKI itu dijadikan panduan terhadap

kerja pelajar FKAL pada masa hadapan.



**ALBUM:** Anita Shyamini (duduk tengah), Suzillah (duduk kanan) dan Imelda Atiqah (duduk kiri) bersama pelajar FKAL dan guru-guru SK Pekan Satu.